

0929

U 8333 AAB  
MAHATHIR - PENSWASTAAN RRRR

I

KUALA LUMPUR, 14 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PENSWASTAAN TIDAK BERMAKNA KERAJAAN AKAN MELEPASKAN DIRINYA DARIPADA TANGGUNGJAWABNYA KEPADA MASYARAKAT.

SEMASA MERASMIKAN SATU PERSIDANGAN MENGENAI PENSWASTAAN DI MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN TETAP MENGEKALKAN PERANANNYA SEBAGAI PELINDUNG KEBAJIKAN AWAM.

+INI AKAN DILAKUKAN SECARA MENGENAKAN DENGAN MINIMUM SEKALI PERATURAN-PERATURAN DAN TIDAK SECARA PENYERTAAN LANGSUNG DALAM PENGELUARAN BARANGAN DAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN,+ KATANYA.

KERAJAAN AKAN TETAP BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ORANG RAMAI DAN IA MESTI MEMASTIKAN PENSWASTAAN MEMANFAATKAN SEMUA YANG BERKENAAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SEBENARNYA PERCAYA PENSWASTAAN AKAN PADA KESELURUHANNYA MENGUNTINGKAN NEGARA DAN OLEH ITU IA KOMITED SEPENUHNYA KEPADA USAHA ITU.-- LAGI

1242MST 14 07 88

0941

U 8339 AAB  
MAHATHIR - PENSWASTAAN 2 KUALA LUMPUR RRRRR

+ DASAR KERAJAAN IALAH SUPAYA KAKITANGANNYA YANG TERBABIT DALAM PERKHIDMATAN YANG DISWASTAKAN TIDAK HARUS KEHILANGAN SEBARANG FAEDAH YANG MEREKA BERHAK MENGHARAPKAN DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGESA SEKTOR SWASTA SEPERTI BANK-BANK SAUDAGAR DAN PERUNDING-PERUNDING PERNIAGAAN SUPAYA MENKAJI SEHALUS-HALUSNYA KEUPAYAAN SYARIKAT-SYARIKAT UNTUK MENGAMBIL ALIH PERKHIDMATAN ATAU PERUSAHAAN KERAJAAN.

+KERAJAAN TIDAK MAMPU MENANGGUNG TERLAMPAU BANYAK KEGAGALAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG DISWASTAKAN DAN KERAJAAN TIDAK MAHU DIPAKSA MENERIMA KEMBALI SYARIKAT-SYARIKAT ITU, + TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN, SAMA ADA PENSWASTAAN AKAN MEMBAWA MANFAAT ATAU TIDAK AKAN DITENTUKAN OLEH KEJUJURAN, KEMAHIRAN DAN KERAJINAN PENGURUS DAN PEKERJA.

SECARA UNGGULNYA KESAN DARIPADA PENSWASTAAN SEHARUSNYA MEMBAWA KEPADA PENAMBAHAN PENDAPATAN UNTUK SEMUA ORANG DAN TIADA SEORANG PUN HARUS RUGI, KATANYA DAN MENAMBAH KATA, IA BERGANTUNG BESAR KEPADA KECEKAPAN SEKTOR SWASTA ATAU DALAM PERKATAAN LAIN, IA MESTI MENGHALA KE ARAH PRODUKTIVITI YANG LEBIH.-- LAGI

1306MST 14 07 88

U B346 AAB  
MAHATHIR - PENSWASTAAN 3 KUALA LUMPUR RRRRR

+KERAJAAN MERASAKAN BAHAWA SEJAK KEMERDEKAAN NEGARA, SEKTOR SWASTA SEMAKIN BESAR, LEBIH TERSUSUN DAN CUKUP SOFISTIKATED UNTUK MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN AWAM YANG RAKSASA DAN RUMIT+, KATANYA.

KATANYA KEBIMBANGAN PADA PERINGKAT AWAL BAHAWA BUMIPUTERA AKAN LANGSUNG KETINGGALAN SEKIRANYA TIADA INSTITUSI-INSTITUSI KERAJAAN YANG MENJAGA KEPENTINGAN BUMIPUTERA UNTUK MENGUASAI HABUAN MEREKA, KINI SEMAKIN LUPUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA MASA SEKARANG TERDAPAT SEBILANGAN BUMIPUTERA BERUPAYA MENYERTAI PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN YANG DISWASTAKAN.

DI MANA BILANGAN MEREKA TIDAK MEMADAI, KERAJAAN MASIH MEMPUYAI INSTITUSI-INSTITUSI SEPERTI PERMODALAN NASIONAL BHD (PNB), PERBADANAN NASIONAL BHD (PERNAS) DAN LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI YANG BOLEH MEMEGANG BAHAGIAN YANG DIPERUNTUKKAN BAGI BUMIPUTERA.

BELIAU JUGA BERKATA SEKIRANYA KERAJAAN MEMBERIKAN SESUATU PERUSAHAAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG SEBAHAGIANNYA MILIK ORANG ASING, INI BUKAN KERANA KERAJAAN TIDAK PATRIOTIK ATAU TIDAK BERSEMANGAT MALAYSIA, TETAPI KERAJAAN INGIN MENGHINDARI NEGARA DARIPADA KESILAPAN-KESILAPAN YANG BURUK PADAHNYA.

+TETAPI INI TIDAK BERMAKNA ORANG TEMPATAN TIDAK AKAN BERJAYA MENGAMBIL ALIH PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN YANG KAMI INGIN SWASTAKAN,+ TAMBAH BELIAU.-- LAGI  
1343MST 14 07 88

U B392 AAB  
MAHATHIR - PENSWASTAAN 4 KUALA LUMPUR

SEMINAR DUA HARI ITU ANJURAN PERSATUAN BANK-BANK SAUDAGAR DI MALAYSIA.

KERTAS-KERTAS KERJA TERMASUK MENGENAI +PERANAN BANK SAUDAGAR DALAM PENSWASTAAN+ OLEH DR ABDULLAH SEPIEN DARI BUMIPUTRA MERCHANT BANKERS BHD DAN +PENSWASTAAN+ KES MALAYSIA+ OLEH MOHAMED HANAFIAH OMAR DARI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI.

SEMINAR ITU DIHADIRI PARA USAHAWAN TEMPATAN DAN LUAR NEGERI.--  
BERNAMA  
1555MST 14 07 88